

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 03 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status bagi program Sarapan Percuma (PSP) 2020 untuk Sekolah Rendah bagi sesi 2020 ini memandangkan sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKPB dan PKPP tiada sesi persekolahan dijalankan. Nyatakan langkah pihak Kementerian yang telah diambil dalam membantu pelajar-pelajar di luar bandar sepanjang tempoh PKP kerana dimaklumkan bahawa tugas sekolah anak-anak ini diberi melalui digital (whatsapp, telegram) dan perlu menggunakan internet. Bagaimana dengan nasib anak-anak yang tiada kemudahan peranti mudah alih serta kemudahan internet sehingga menyebabkan mereka keciciran berbanding rakan-rakan mereka di bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak akan meneruskan Program Sarapan Pagi. Perkara ini telah diputuskan oleh kerajaan pada Januari 2020 dengan mengambil kira implikasi kos pelaksanaan dan kelestarian program. Jemaah Menteri juga memutuskan supaya program rancangan makanan sedia ada untuk murid sekolah rendah, iaitu Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) diteruskan dengan beberapa penambahbaikan.

Sehubungan itu, KPM telah melaksanakan Penambahbaikan Program Rancangan Makanan Tambahan (PPRMT) di 100 buah sekolah terpilih seluruh negara bermula pada 20 Januari 2020. Dalam masa yang sama KPM juga masih meneruskan Program RMT sedia ada di semua sekolah rendah KPM. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), program PPRMT dan RMT ditangguhkan kerana semua sekolah rendah tidak beroperasi. Namun, apabila sekolah rendah dibuka semula mulai 15 Julai 2020, program PPRMT dan RMT diteruskan semula seperti biasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM komited untuk memastikan semua murid tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran secara berterusan dalam keadaan selamat sepanjang tempoh PKP. KPM berusaha menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah *Home-based Learning* mengikut kesesuaian guru dan murid.

KPM sentiasa berusaha untuk memastikan semua murid mendapat akses pembelajaran secara seragam, termasuk juga murid di kawasan luar bandar dan pedalaman. Bagi membantu kumpulan murid yang tidak mempunyai akses kepada talian internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, *Home-based Learning* turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan. Siaran dilaksanakan melalui saluran TV Okey dan saluran Tutor TV Astro di saluran 601 dan 603. Selain daripada itu, pek pembelajaran dipos, dihantar oleh guru atau diambil oleh ibu bapa di sekolah.

Selain itu, bagi murid yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman khususnya, guru melaksanakan PdP melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid. Serahan bahan ini dibuat melalui pelbagai kaedah seperti perkhidmatan pos, bantuan penghantaran oleh Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) dan kaunter pandu lalu di sekolah.

Segala usaha yang dilaksanakan ini jelas menunjukkan bahawa pihak sekolah serta guru begitu komited dan telah berusaha bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan murid tidak ketinggalan atau tercicir dalam mengikuti pembelajaran yang sewajarnya. KPM ingin merakamkan penghargaan kepada semua guru atas segala usaha yang telah dilaksanakan bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran diteruskan walaupun dalam keadaan yang mencabar. Selain itu, KPM juga turut menghargai peranan ibu bapa dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran di rumah berjalan dengan baik.

Sekian, terima kasih.